



# 10 AMALAN SUNNAH RAMADAN

[YAYASANIKHLAS.ORG.MY](http://YAYASANIKHLAS.ORG.MY)

## **ISI KANDUNGAN**

### **PENDAHULUAN**

<b>Bersahur</b>	<b>2</b>
<b>Bertadarus al-Quran dan mengkathamkannya</b>	<b>3</b>
<b>Memperbanyakkan sedekah</b>	<b>4</b>
<b>Memberi makan kepada orang yang berbuka puasa</b>	<b>5</b>
<b>Memperbanyakkan berdoa</b>	<b>6</b>
<b>Menyegerakan berbuka puasa</b>	<b>7</b>
<b>Iktikaf di sepuluh malam terakhir</b>	<b>8</b>
<b>Qiyam Ramadan</b>	<b>9</b>
<b>Menunaikan Umrah di bulan ramadan</b>	<b>9</b>
<b>Menjauhi perbuatan yang merosakkan pahala berpuasa</b>	<b>10</b>

## PENDAHULUAN

Ramadan adalah bulan yang sangat dinantikan oleh umat Islam. Di bulan ini, umat Islam diwajibkan berpuasa selama sebulan penuh dan melakukan amal-amal soleh yang sangat dituntut. Di bulan ini juga segala amal ibadat dilipatgandakan.

Jadi, di bulan Ramadan ini, marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dipanjangkan umur untuk bertemu Ramadan kali ini. Elakkan menjadi seperti golongan munafik yang akan merasa gelisah dan buntu apabila tiba bulan Ramadan. Sabda Rasulullah SAW;

أَظَلَّكُمْ شَهْرُكُمْ هَذَا بِمَخْلُوفِ رَسُولِ اللَّهِ، مَا مَرَّ بِالْمُؤْمِنِينَ شَهْرٌ خَيْرٌ لَهُمْ مِنْهُ، وَلَا بِالْمُنَافِقِينَ شَهْرٌ شَرٌّ لَهُمْ مِنْهُ، إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَيَكْتُبُ أَجْرَهُ وَنَوَافِلَهُ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَدْخُلَهُ، وَيَكْتُبُ إِصْرَهُ وَشَقَاءَهُ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَدْخُلَهُ

Maksudnya: “Allah SWT naungkan kepada kamu dengan berlabuhnya bulan Ramadan ini dengan Rasulullah ﷺ bersumpah: “Tiadalah berlalu ke atas orang Islam bulan yang lebih baik bagi mereka daripada bulan Ramadhan dan tidaklah kepada munafiq itu lebih teruk daripada bulan Ramadhan. Sesungguhnya Allah ﷻ menulis pahala ganjarannya sebelum menjelamanya bulan dan juga menulis dosa serta kehinaan sebelum masuknya bulan Ramadhan.” (Riwayat Ahmad di dalam Musnadnya (8870) & Ibn Khuzaimah di dalam Sahihnya (1884). Sanadnya dho'if kerana terdapatnya Tamim maula Abu Rumanah.)

Di dalam e-Book ini, kami lampirkan sepuluh amalan sunnah yang boleh kita amalkan bersama-sama sepanjang Ramadan ini. Semoga amal-amal ini menjadi bekalan kepada kita untuk bertemu Allah SWT suatu hari nanti.

Selain itu, turut dikongsikan bersama e-Book ini ialah Borang Semak Amalan Harian Ramadan 1444H/2023M yang boleh dicetak dan digunakan untuk kita mendisiplinkan diri menyusun amal-amal di bulan Ramadan bersama keluarga. Semoga Ramadan ini menjadi Ramadan terbaik yang kita lalui berbanding Ramadan yang lalu.

**Yayasan Ikhlas  
Peduli & Prihatin**

## AMALAN 1 BERSAHUR

Sahur adalah istilah yang digunakan merujuk kepada makan di waktu pagi sebelum berpuasa di siang hari baik di bulan Ramadan mahupun di hari-hari yang lain selain di bulan Ramadan. Bersahur dilakukan sebelum masuknya waktu Subuh, lebih tepat sebelum azan Subuh berkumandang.

Ada beberapa dalil yang menunjukkan pentingnya amalan bersahur.

Dari Anas bin Malik RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Bersahurlah kalian, kerana pada sahur itu ada keberkahan." (HR Al-Bukhari No. 1923, Muslim No. 1095)

Rasulullah SAW juga bersabda:

السَّحُورُ أَكْلُهُ بَرَكَةٌ، فَلَا تَدَعُوهُ، وَلَوْ أَنْ يَجْرَعَ أَحَدُكُمْ جُرْعَةً مِنْ مَاءٍ، فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ  
وَجَلَّ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى الْمُتَسَحِّرِينَ

"Makan sahur adalah berkah, maka janganlah kalian meninggalkannya, walau kalian hanya meminum seteguk air, kerana Allah 'Azza wa Jalla dan para malaikat mendoakan orang yang makan sahur. (Hadis Riwayat Ahmad dari Dari Abu Sa'id Al Khudri RA)

Jadi, jangan mudah-mudah tinggalkan sahur, tau! Rugi jika kita tinggalkan. Sekurang-kurangnya dengan secawan air pun cukup untuk kita tidak tinggalkan pahala bersahur.

## BERTADARUS AL-QURAN DAN MENGKHATAMKANNYA

Bulan Ramadan adalah bulan yang diturunkan al-Quran, yang kita ingati dengan hari Nuzul al-Quran yang jatuh pada 17 Ramadan setiap tahun. Oleh itu, kita sangat dituntut untuk membaca al-Quran dan aktiviti tadarus adalah salah satu aktiviti yang Rasulullah SAW utamakan bila masuk bulan Ramadan.

Tadarus al-Quran boleh dilaksanakan dalam kumpulan dalam masyarakat seperti di masjid, surau dan di rumah masing-masing dalam satu keluarga. Disamping menghabiskan bacaan al-Quran, tadarus al-Quran juga dapat memperbetulkan bacaan masing-masing dan menghayati makna al-Quran tu sendiri.

Ibnu Abbas RA menceritakan:

وَكَانَ جِبْرِيلُ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ

Maksudnya: "Jibril AS menemuinya pada setiap malam di bulan Ramadan, dan dia (Jibril) bertadarus al-Quran bersamanya. (Hadis Riwayat Bukhari No. 3220)

Daripada Abu Hurairah RA, Baginda SAW bersabda:

وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَغَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ

Maksudnya: "Tidaklah suatu kaum berkumpul diantara rumah-rumah Allah sambil membaca Kitabullah, dan saling mempelajari diantara mereka. Kecuali akan turun kepada mereka ketenangan, dan diberikan rahmat serta malaikat akan menaunginya. Dan mereka akan diingat disisi Allah." (Hadis Riwayat Muslim 2699)

Majlis Khatam Al-Quran memiliki fadhilat yang sangat banyak dan kelebihan tersendiri. Antaranya ialah diturunkan rahmat dan dimustajabkan doa ketika majlis tersebut, ia berdasarkan Athar daripada Anas bin Malik RA:

كَانَ أَنْسٌ إِذَا خَتَمَ الْقُرْآنَ، جَمَعَ وَلَدَهُ وَأَهْلَ بَيْتِهِ فَدَعَا لَهُمْ

Maksudnya: "Adapun Anas apabila beliau mengkhatamkan al-Quran, beliau akan menghimpunkan anaknya serta ahli keluarganya lalu berdoa bersama mereka." (Riwayat al-Darimi No. 3517)

Jadi, Ramadan ini, tanamkan azam untuk khatamkan al-Quran di dalam bulan Ramadan ini. Hidupkan amalan bertadarus di dalam komuniti kita sama ada bersama keluarga atau dengan jiran-jiran tetangga.

### AMALAN 3

## MEMPERBANYAKKAN SEDEKAH

Antara salah satu akhlak baginda Rasulullah SAW ketika masuk bulan Ramadan ialah memperbanyakkan sedekah. Sedekah bagindan pada bulan Ramadan diibaratkan seperti angin yang menghembus. Ini diriwayatkan di dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas RA,

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحْوَدَ النَّاسِ وَأَجْوَدُ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ حِينَ يَلْقَاهُ  
جِبْرِيْلُ وَكَانَ جِبْرِيْلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ  
فَلَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحْوَدُ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ

Maksudnya: “Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam adalah manusia yang paling dermawan, dan kedermawanannya semakin menjadi-jadi saat Ramadan apalagi ketika Jibril menemuinya. Dan, Jibril menemuinya setiap malam bulan Ramadan dia bertadarus Al Quran bersamanya. Maka, Rasulullah benar-benar sangat dermawan dengan kebaikan laksana angin yang menghembus.” (HR. Bukhari No. 3220)

Di bulan Ramadan ini, ringankan tangan kita untuk bersedekah setiap hari mengikut kemampuan kita. Sama ada sedekah di Surau atau Masjid, atau melalui badan-badan kebajikan yang bersedia menerima segala amalan baik kita.

AMALAN 4  
**MEMBERI MAKAN KEPADA ORANG  
YANG BERBUKA PUASA**

Lazimnya apabila tiba bulan Ramadan, menjadi satu perkara yang wajib bagi kita ialah untuk berbuka puasa. Bagi yang berkeluarga, pastinya saat masuk waktu berbuka puasa akan menjadi saat yang kita nantikan setiap hari. Rasulullah SAW turut menyebut dalam satu hadis Riwayat at-Tirmidzi;

لِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ فَرْحَةٌ حِينَ يُفْطِرُ ، وَفَرْحَةٌ حِينَ يَلْقَى رَبَّهُ

Maksudnya: "Bagi orang yang berpuasa, dia akan memperolehi dua kegembiraan. Pertama, kegembiraan ketika dia berbuka puasa dan kedua kegembiraan ketika dia bertemu Tuhannya." (Riwayat al-Tirmizi 696)

Selain itu, di bulan Ramadan turut dianjurkan untuk kita berkongsi rezeki ketika berbuka bersama insan-insan yang lain. Dari Zaid bin Khalid al-Juhani RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ فَطَّرَ صَائِمًا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِهِ غَيْرَ أَنَّهُ لَا يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِ الصَّائِمِ شَيْئًا

Maksudnya: "Barang siapa yang memberikan makanan untuk berbuka bagi orang berpuasa maka dia akan mendapatkan pahala sebagaimana orang tersebut, tanpa mengurangi sedikit pun pahala orang itu." (HR. At Tirmidzi No. 807, Ahmad No. 21676, An Nasai dalam As Sunan Al Kubra No. 3332, Al Baihaqi dalam Syuabul Iman No. 3952).

Alang-alang kita menyediakan juadah berbuka puasa, tidak salah untuk kita berkongsi juadah dengan jiran-jiran kita. Selain itu, kita juga boleh menaja juadah berbuka puasa untuk mereka yang kesusahan dan kesempitan dengan berkongsi rezeki yang kita ada.

## AMALAN 5 MEMPERBANYAKKAN DOA

Ramadan ialah bulan di mana kita memperbanyakkan amal-amal soleh demi mengejar redha Allah. Di bulan Ramadan juga, kita disunatkan untuk memperbanyakkan doa.

Dari Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda;

ثَلَاثَةٌ لَا تُرَدُّ دَعْوَتُهُمْ الصَّائِمُ حَتَّى يُفْطَرَ وَالْإِمَامُ الْعَادِلُ وَدَعْوَةُ الْمَظْلُومِ

Maksudnya: "Ada tiga manusia yang doa mereka tidak akan ditolak: Doa orang yang berpuasa sampai dia berbuka, pemimpin yang adil dan doa orang teraniaya". (HR. At Tirmidzi No. 2526, 3598, Ibnu Hibban No. 7387. isahihkan oleh Imam Al Baihaqi).

Selain itu, diriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amr RA berkata bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ لِلصَّائِمِ عِنْدَ فِطْرِهِ لَدَعْوَةً مَا تُرَدُّ

Maksudnya: "Sesungguhnya bagi orang yang berpuasa itu ketika dia berbuka doa yang tidak akan ditolak". (Riwayat Ibn Majah 1753) (Syekh Syuaib al-Arna'outh mengatakan sanad hadith ini adalah hasan)

Berdasarkan hadis-hadis tersebut, kita mengetahui bahawa doa orang yang berpuasa adalah mustajab di sisi Allah SWT. Oleh itu, marilah kita bersama-sama memperbanyakkan berdoa kepada Allah SWT dan menjadikan berdoa ini sebagai salah satu perkara yang wajib kita laksanakan setiap hari bersama keluarga, sekurang-kurangnya sebelum waktu berbuka puasa bersama keluarga tersayang.

## AMALAN 6 MENYEGERAKAN BERBUKA PUASA

Menurut Irsyad al-Fatwa Khas Ramadan siri ke-195: Hukum melewatkan berbuka puasa Ramadan yang dikeluarkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, hukum seseorang itu melewatkan berbuka puasa adalah makruh.

Hal ini kerana, ia berlawanan dengan sunnah Nabi SAW dan juga amalan para sahabat yang menyegerakan berbuka sebaik sahaja telah pasti terbenamnya matahari. Adapun sekiranya, seseorang itu tidak berasa yakin atau hanya menyangka bahawa matahari sudah terbenam, maka dia tidak disunatkan segera berbuka, sehinggalah sudah pasti baginya matahari sudah terbenam. Begitu juga sekiranya dia sengaja melewatkan berbuka kerana merasakan bahawa perbuatan tersebut mengandungi fadilat tertentu, walhal tidak ada sebarang fadilat terhadap perbuatan tersebut, maka makruh hukumnya. Namun begitu, sekiranya dia melewatkan berbuka atas sebab sebarang keuzuran, maka ia tidak mengapa.

Rasulullah SAW pernah bersabda dalam satu hadis;

لَا يَزَالُ النَّاسُ بِخَيْرٍ مَا عَجَّلُوا الْفِطْرَ

Maksudnya: "Manusia akan sentiasa berada dalam kebaikan selama mana mereka menyegerakan berbuka puasa." (Riwayat al-Bukhari, 1957 dan Muslim, 1098)

Dari Amru bin Maimun radhiallahu 'anhu:

كان أصحاب محمد صلى الله عليه وسلم أعجل الناس إفتارا وأبطأهم سحورا

Maksudnya: "Para sahabat Muhammad shallallahu 'alaihi wa sallam adalah manusia yang paling bersegera dalam berbuka puasa, dan paling akhir dalam sahurannya". (HR. Al Baihaqi dalam As Sunan Al Kubra No. 7916. Al Faryabi dalam Ash Shiyam No. 52. Ibnu Abi Syaibah dalam Al Mushannaf No. 9025)

Oleh itu, apabila masuk waktu berbuka puasa, pastikan kita segerakan dan tangguhkan dahulu kerja-kerja yang lain. Sekurang-kurangnya berbukalah dengan sebiji buah kurma atau minum segelas air.

## IKTIKAF DI SEPULUH MALAM TERAKHIR

Sepuluh malam terakhir adalah malam yang sangat dinanti-nanti oleh seluruh umat Islam. Di malam inilah malam yang lebih baik dari 1000 bulan diturunkan iaitu malam Lailatul Qadar seperti yang terkandung di dalam surah al-Qadr: 1 hingga 5.

بِنَا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ۱ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ۲ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ۳ تَنَزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ۴ سَلَامٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ ۵

Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada Malam Lailatul-Qadar (1) Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran Malam Lailatul-Qadar itu? (2) Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan. (3) Pada Malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut); (4) Sejahteralah Malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar! (5)

Beriktikaf di sepuluh malam di bulan Ramadan menjadi salah satu amalan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW. Ini diriwayatkan di dalam satu hadis dari Ummul Mukminin 'Aisyah ra;

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَّخِرَ مِنْ رَمَضَانَ حَتَّىٰ تَوَفَّاهُ اللَّهُ ثُمَّ اعْتَكَفَ أَرْوَاجَهُ مِنْ بَعْدِهِ

Maksudnya: "Bahwasanya Nabi shallallahu 'alaihi wa sallam beri'tikaf pada 10 hari terakhir bulan Ramadan sampai beliau diwafatkan Allah, kemudian istri-istrinya pun iktikaf setelah itu". (HR. Bukhari, No. 2026, Muslim No. 1171, Abu Daud No. 2462. Ahmad No. 24613, dan lainnya)

Malah, ada hadis yang diriwayatkan dari Saidatina Aisyah ra yang dimaksudkan Rasulullah mengetatkan ikatan pinggang di sepuluh malam terakhir. Ada dua pendapat berkenaan hadis ini iaitu, Rasulullah bersungguh menghidupkan amal ibadah selain maksud yang lainnya Rasulullah meninggalkan perbuatan bersama dengan isteri pada sepuluh malam terakhir Ramadan.

Selain itu, Rasulullah akan mengejutkan isteri dan keluarga baginda untuk turut menunaikan ibadah di sepuluh malam terakhir. Terdapat Riwayat yang menunjukkan bahawa baginda mengetuk pintu Fatimah ra dan Saidina Ali bin Abi Thalib lalu berkata;

أَلَا تَقُومَانِ فَتُصَلِّيَانِ

Maksudnya: "Apakah kamu berdua tidak bangun lalu menunaikan solat?" (Riwayat al-Bukhari 1127)

Rugi jika kita biarkan 10 malam terakhir ini berlalu begitu sahaja. Kerana dalam satu tahun, 10 malam ini sahaja yang Allah SWT turunkan kepada kita malam Lalilatul Qadar sebagai hadiah untuk segala kerja keras hamba Nya yang berusaha setiap hari mengejar keredhaan Allah SWT.

## AMALAN 8

# QIYAM RAMADAN

Qiyam Ramadan bermaksud menghidupkan malam Ramadan dengan amal ibadah termasuklah solat sunat Tarawikh dan solat-solat sunat yang lain. Solat sunat Tarawikh memiliki keutamaan dan ganjaran yang besar sebagaimana yang disebutkan dalam hadis sahih;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا  
وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya: Dari Abu Hurairah radhiallahu 'anhu, bahwa Rasulullah bersabda: "Barangsiapa yang salat malam pada bulan Ramadhan karena iman dan mengharap ganjaran dari Allah, maka akan diampuni dosa-dosanya yang lalu. (HR. Bukhari No. 37, Muslim No. 759)

Ingat! Berusaha untuk tidak tinggalkan solat sunat Tarawikh. Disamping itu, bangun awal sedikit sebelum sahur untuk sekurang-kurangnya melaksanakan solat sunat Tahajjud dan solat sunat yang lain sebelum kita bersahur.

## AMALAN 9

# MENUNAIKAN UMRAH DI BULAN RAMADAN

Ibadah umrah di bulan Ramadan adalah sebanding pahalanya seperti melaksanakan haji bersama Rasulullah SAW. Bagi yang berkemampuan, digalakkan untuk melaksanakan ibadah umrah di bulan Ramadan.

Dari Ibnu Abbas ra, bahawa Rasulullah SAW berkata kepada seorang wanita Ansar bersama Ummu Sinan;

فَإِنَّ عُمْرَةَ فِي رَمَضَانَ تَقْضِي حَجَّةً أَوْ حَجَّةً مَعِي

Maksudnya: "Sesungguhnya umrah ketika bulan Ramadan sama dengan menunaikan haji atau haji bersamaku." (HR. Bukhari No. 1863, Muslim No. 1256)

## MENJAUHI PERBUATAN YANG MEROSAKKAN PAHALA BERPUASA

Seharian kita penat menahan lapar dan dahaga melaksanakan ibadah puasa. Tiba-tiba pahala kita berkurang akibat beberapa perkara yang kita lakukan dalam sedar yang boleh merosakkan pahala puasa kita.

Dari Abu Hurairah ra, bahawa Rasulullah saw bersabda;

كَمْ مِنْ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ

Maksudnya: "Betapa banyak orang berpuasa yang tidak mendapatkan apa-apa dari puasanya kecuali hanya lapar saja. (HR. Ahmad No. 9685, Ibnu Majah No. 1690, Ad Darimi No. 2720)

Antara perbuatan yang perlu kita hindari sepanjang bulan Ramadan ini ialah memburukkan orang lain atau bergosip (ghibah), beradu domba (namimah), menuruti syahwat (rafats), berjudi dan banyak lagi perbuatan fasik lain yang boleh merosakkan pahala Ramadan kita.

Rasulullah saw bersabda;

خَمْسٌ يُفْطِرُنَ الصَّائِمَ: الْغَيْبَةُ، وَالنَّمِيمَةُ، وَالْكَذِبُ، وَالنَّظْرُ بِالشَّهْوَةِ، وَالْيَمِينُ الْكَاذِبَةُ

Maksudnya: "Lima hal yang bisa membatalkan pahala orang berpuasa: membicarakan orang lain, mengadu domba, berbohong, melihat dengan syahwat, dan sumpah palsu" (HR Ad-Dailami).

Jadi, bulan Ramadan ini, kita tanamkan azam untuk kurangkan perbuatan-perbuatan fasik ini dan kita lebihkan amal ibadat kita yang lain. Insya-Allah dengan amal-amal yang kita tunaikan, pasti dapat menghindarkan kita dari perkara-perkara yang dimurkai Allah SWT.

# BORANG SEMAK AMALAN HARIAN RAMADAN 1444H/2023M



AMALAN	RAMADAN																													
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
BERSAHUR																														
SOLAT SUNAT SEBELUM SUBUH																														
SOLAT SUBUH BERJEMAAH																														
MATSURAT																														
SOLAT SUNAT DHUHA																														
SOLAT SUNAT RAWATIB SEBELUM ZOHOR																														
SOLAT SUNAT RAWATIB SELEPAS ZOHOR																														
SOLAT SUNAT RAWATIB SEBELUM ASAR																														
SOLAT SUNAT RAWATIB SELEPAS MAGHRIB																														
SOLAT SUNAT RAWATIB SEBELUM ISYA																														
SOLAT SUNAT RAWATIB SELEPAS ISYA																														
TILAWAH AL-QURAN																														
SOLAT SUNAT TAUBAT																														
SOLAT SUNAT HAJAT																														
SOLAT SUNAT TAHAJJUD																														
SOLAT WITIR																														
INFAQ/SEDEKAH																														
BERZIKIR																														
ISTIGHFAR																														
IKTIKAF DI MASJID																														
SOLAT TARAWIKH BERJEMAAH																														

Tandakan (/) di dalam kotak yang berkenaan apabila amalan yang dinyatakan telah berjaya dilaksanakan

**“Barang siapa yang mendirikan Ramadan dengan penuh rasa keimanan dan pengharapan, diampunkan baginya dosanya yang lalu.”**



**YAYASAN  
IKHLAS**

Peduli & Prihatin